

Headline	GL BERAMAL		
MediaTitle	Glam Lelaki		
Date	20 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Editorial	Circulation	13,333
Page No	14	Readership	40,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,913
Frequency	Monthly	PR Value	RM 8,739



> GL BERAMAL

Dalam hidup saya setakat ini, sudah ada beberapa insan yang rapat juga amat saya sayangi diberitakan meninggal kerana AIDS. Di setiap kali berita-berita ini sampai ke telinga saya, di setiap kali itulah ia amat meruntun hati. Membuat saya kesal sekesal-kesalnya dan menjadi teramat-amat sedih, kerana saya tahu ia boleh dielakkan. Boleh dicegah daripada terjadi. Supaya teman-teman saya tadi dapat hidup lebih lama, merasai keindahan dunia. Menjadi insan yang lebih sempurna dan berjaya, juga sebagai hamba Tuhan yang disayangi.



Bukan itu sahaja. Ini tidak termasuk lagi ada antara mereka yang disahkan HIV positif. Bertuah dan beruntung juga hari ini, ada ubat-ubatan yang boleh diambil untuk membendung wabak ini daripada terus menular dalam tubuh justeru mengakibatkan AIDS. Tetapi dalam hati saya masih sesal kerana daripada dapat hidup selesa dan bebas daripada bergantung ubat dan menjaga setiap tingkah laku juga kesihatan – mereka harus berharap pada pil dan akur dengan pemeriksaan setiap bulan agar penyakit ini tidak terus menjalar. Kebebasan itu berkekang. Sedangkan masa yang diperlukan untuk menjaga diri, pemeriksaan dan mengambil ubat itu tadi boleh digunakan untuk memekarkan kehidupan di bahagian-bahagian lainnya.

Kerana penyakit ini begitu dekat di hati sayalah, saya memutuskan menggunakan pengaruh dan populariti Lelaki Alfa tahun ini untuk mengumpul dana buat disalurkan kepada Malaysian AIDS Foundation. Sebut Setiausaha Kehormat Majlis AIDS Malaysia, Hisham Hussein, "Sumber kewangan tidak pernah cukup." Jadi saya gunakan nama GLAM Lelaki bersama-sama dengan Lord's Tailor (terima kasih Kenny dan Olivia Loh) membuat sut khas (*custom made*) untuk setiap Lelaki Alfa terpilih. Kemudian meminta jasa

baik dan budi bicara mereka menjual sut-sut ini melalui media sosial – laman facebook atau instagram untuk peminat mereka berpeluang memiliki.

Hisham juga menyebut penting untuk masyarakat hari ini dididik tentang HIV dan AIDS. Supaya ia tidak lagi menjadi tabu dan kita bisa menjadi komuniti bijak yang tahu cara mencegah daripada terkena wabak ini justeru membendung daripada ia terus berleluasa. Saya amat mengharapkan dengan penglibatan Lelaki Alfa tahun ini langsung aja kepada ruang media sosial mereka bersama-sama dengan peminat langsung juga dapat meningkatkan kesedaran kita semua tentang penyakit ini. Apalah gunanya pengaruh mereka itu jika tidak digunakan ke arah jalan kebaikan apa lagi membantu masyarakat. Terima kasih tak terhingga Aaron Aziz, Fahrin Ahmad, Lawrence Wong, Qi Razali, Fadzil Zahari, Izzue Islam, Nik Michael, Sam Bunkface dan Hisham Hamid atas usaha kalian. Saya harap usaha kita ini tidak akan terhenti sampai di sini sahaja. Selagi anda berpengaruh dan berkudrat – sama-sama lah kita beramal menghulurkan bantuan dalam cara paling rendah diri ini walau secubit cuma. Insya-Allah saya tidak lagi menerima berita kematian insan yang disayangi berpunca daripada AIDS dan HIV. **GL**

"TETAPI DALAM HATI SAYA MASIH SESAL KERANA DARIPADA DAPAT HIDUP SELESA DAN BEBAS DARIPADA BERGANTUNG UBAT DAN MENJAGA SETIAP TINGKAH LAKU JUGA KESIHATAN – MEREKA HARUS BERHARAP PADA PIL DAN AKUR DENGAN PEMERIKSAAN SETIAP BULAN."